

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PELUPUSAN HAIWAN KERAJAAN MAC 2020  
(SEDIA/SH(OE)/10/20)**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli haiwan seperti berikut:-

**i) CULL COWS**

Bil.	Keterangan Haiwan/ Ear Tag No.	Kuantiti Berat (Kg)	Umur Lembu (Bulan)	Harga Simpanan(RM)	Deposit Sebut Harga (RM)
1.	10(3180KILC)	450	6.40	3,600.00	180.00
2.	39(10001YYF)	520	6.10	4,160.00	208.00
3.	124(563CML)	630	7.10	5,040.00	252.00
4.	154(5132KILC)	600	4.10	4,800.00	240.00
5.	259(3243KILC)	380	6.20	3,040.00	152.00
6.	273(3340KILC)	420	6.20	3,360.00	168.00
7.	274(739ANSIP)	430	7.10	3,440.00	172.00
8.	339(978NZ)	715	7.80	5,720.00	286.00
9.	378(777KUDAT)	570	7.10	4,560.00	228.00
10.	488(4094KILC)	500	5.50	4,000.00	200.00
11.	590(5450NZ)	635	4.10	5,080.00	254.00
12.	635(5316NZ)	590	4.10	4,720.00	236.00
13.	697(5408NZ)	610	4.10	4,880.00	244.00
14.	722(5130KILC)	590	4.11	4,720.00	236.00
15.	741(5209KILC)	460	4.70	3,680.00	184.00
16.	765(5210KILC)	550	4.70	4,400.00	220.00
17.	909(B4-46KILC)	380	2.10	3,420.00	171.00
18.	928(B9-178KILC)	350	2.50	3,150.00	157.50
<b>JUMLAH KESELURUHAN : 18 EKOR</b>				75,770.00	3,788.50

\*Nota: Berat lembu adalah berdasarkan rekod terakhir ditimbang pada **02 Mac 2020**.

2. Haiwan boleh dilihat di Ladang Pusat Penternakan Bersepadu Keningau (KILC), KM 3½, Jalan Karamatoi Sook, Keningau (Talian Pejabat: 087-365562) bermula pada **05hb – 11hb Mac 2020 pada jam 9.00 pagi sehingga 4.00 petang**.
3. Sebut Harga ini boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Haiwan Kerajaan (KEW.AH-20)** yang boleh diperolehi secara **PERCUMA** di alamat:-

**PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PELABURAN SABAH  
LOT 1, TINGKAT BAWAH, WISMA SEDIA, OFF JALAN PINTAS, PENAMPANG,  
88300 KOTA KINABALU, SABAH.**

**TEL: 088-450650      FAKS: 088-450699**

**ATAU**

**PEJABAT PUSAT PENTERNAKAN BERSEPADU KENINGAU (KILC)  
KM½ JALAN KARAMATOI SOOK, 89007 KENINGAU, SABAH.**

**TEL: 087-365562      FAKS: 087-365563**

Tawaran sah bagi tempoh 90 hari dari tarikh tutup Sebut Harga.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda **No. Sebut Harga SEDIA/SH(OE)/10/20** dihantar melalui pos atau dimasukkan ke **Peti Tawaran Sebut Harga Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah** dan dialamatkan kepada **SETIAUSAHA, JAWATANKUASA PEMBUKAAN SEBUT HARGA SEDIA, LOT 1, TINGKAT BAWAH, WISMA SEDIA, OFF JALAN PINTAS PENAMPANG, 88300 KOTA KINABALU, SABAH.**
5. Tarikh tutup Sebut Harga pada atau sebelum **12hb Mac 2020 (Khamis), jam 12.00 tengahari.** Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

#### **SYARAT KHAS SEBUT HARGA**

Pembeli dikehendaki mengemukakan **salinan penyata bank** untuk proses mengembalikan deposit kepada pembeli yang tidak berjaya.

#### **SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA**

1. Haiwan akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk **Wang Pos/Draf Bank** sahaja atas nama **SEDIA-KILC OPERATION FUND. Pembayaran menggunakan cek syarikat tidak akan diterima.**
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua Haiwan adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (**as-is-where-is-basis**).
5. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian Haiwan seperti kos mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
6. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh pada hari pengambilan Haiwan. Haiwan hendaklah diambil dalam tempoh tidak lebih daripada tujuh (7) hari selepas tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
7. Pihak SEDIA tidak akan bertanggungjawab ke atas haiwan yang telah dijual.

#### **PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PELABURAN SABAH**